

04/08/1998

Barat bersandiwara lagi di Kosovo

Azizi Othman in London

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyatakan Kosovo wajar diberi hak kedaulatannya sendiri dan masyarakat antarabangsa perlu berusaha ke arah itu.

Seperti dalam usaha menyelesaikan konflik Bosnia-Herzegovina, Perdana Menteri menjelaskan Kosovo perlu diberi bantuan sewajarnya supaya rakyat negara itu dapat menentukan hala tuju sendiri pada masa depan, bukan dijajah oleh pihak yang mempunyai agenda tersendiri.

Meneliti pendedahan Perdana Menteri itu, apa yang jelas ialah masyarakat antarabangsa terutama kuasa besar Barat, sebelum ini hanya mengulangi kesilapan lampau mereka dalam usaha menangani krisis di Kosovo.

Di sebalik laungan 'kami tidak akan mengulangi kesilapan di Bosnia', mereka sebenarnya secara terang-terangan berbuat demikian, malah menambah beberapa kesilapan baru.

Contoh terbaik ialah ketika negara kuasa besar Barat yang menganggotai Kumpulan Penghubung termasuk Russia bermesyuarat mengenai krisis di Kosovo baru-baru baru ini, mereka hanya meluluskan resolusi untuk terus berusaha mencari penyelesaian kemelut itu walaupun sebelum ini sudah mengeluarkan kenyataan serupa berulang kali.

Kita sendiri sering tertanya-tanya, apakah sebenarnya objektif dasar Barat itu?

Meneliti rentetan usaha mereka, seperkara yang jelas ialah ia menjurus ke arah dua matlamat.

Pertama, menamatkan pertumpahan darah yang sudah membabitkan ratusan jiwa serta menghentikan gejala pelarian yang kini mencatat angka 60,000 orang.

Kedua, mendesak pemimpin politik Albania yang diterajui Ibrahim Rugova agar berunding dengan Presiden Yugoslavia, Slobodan Milosevic.

Bagaimanapun, Dr Mahathir jauh lebih bijak membaca sandiwara Barat yang sebenarnya hanya mahu menyekat konflik di Kosovo daripada merebak ke negara jiran terutama Macedonia.

Kebimbangan utama Barat ialah penduduk etnik Albania di Macedonia mungkin bertindak mencetuskan pemberontakan seperti yang dilakukan oleh saudara mereka di Kosovo.

Dr Mahathir tahu itulah alasan utama Barat menekankan bahawa penyelesaian krisis di Kosovo mestilah dengan cara status autonomi wilayah itu dikembalikan semula ke dalam Serbia dan Yugoslavia.

Barat berpendapat, sebarang usaha memberikan kemerdekaan dan kedaulatan kepada Kosovo akan mencetuskan fenomena yang sama di Macedonia.

Berbeza dengan pendekatan 'janji palsu' yang digunakan oleh Barat di Bosnia dulu, pakej penyelesaian Barat di Kosovo nampaknya disokong oleh ugutan tindakan ketenteraan oleh Pakatan Perjanjian Atlantik Utara (Nato).

Oleh itu, ia sepatutnya berkesan dan kita pasti percaya langkah itu dilaksanakan sebagai dasar luar negara Barat yang beretika. Adakah hakikatnya begitu?

Malangnya, jawapan bagi persoalan itu adalah tidak. Ini kerana sesuatu yang cuba diketepikan Barat ialah hakikat Rugova sudah berjuang lebih tujuh tahun untuk kemerdekaan, bukannya kuasa autonomi.

Bagi beribu-ribu etnik Albania yang menyertai Tentera Pembebasan Kosovo (KLA) cita-cita mencapai kemerdekaan jauh lebih membara dan selagi Barat cuba mengetepikan hakikat itu, sebarang usaha tidak akan berhasil.

Contohnya, ugutan tindakan ketenteraan Nato. Tembelang Barat jelas

terbukti kerana jika serangan Nato dilakukan dan Yugoslavia dikalahkan, adakah dunia patut memberitahu etnik Albania di Kosovo bahawa masalah sudah selesai dan wilayah itu kini kembali di bawah perintah Milosevic sebagai sebahagian daripada Yugoslavia. Ini pasti tidak logik dan tidak boleh diterima.

Ugutan mengenakan tindakan ketenteraan tanpa matlamat politik yang jelas adalah kesilapan besar yang dilakukan oleh Barat di Yugoslavia.

Kenyataan ringkas Dr Mahathir dapat mengajak kita berfikir bahawa oleh kerana matlamat tindakan ketenteraan Nato itu tidak logik, ugutan berkenaan juga sekadar acah-acah saja.

Dengan itu, apakah kesan daripada dasar yang diamalkan Barat di Kosovo sekarang ini? Jawapannya mudah, Milosevic akan terus mengadakan rundingan dengan Rugova tetapi ia pasti menemui jalan buntu.

Sementara itu, persengketaan akan berlarutan, semakin banyak jiwa terkorban.

Delegasi diplomatik Barat akan berulang-alik ke Kosovo seperti di Bosnia dulu dan oleh kerana lebih mudah untuk mereka mengenakan tekanan pada pihak yang lemah, lama-kelamaan Ibrahim Rugova terpaksa memeterai perjanjian menerima status wilayah autonomi bagi Kosovo.

Malangnya, ia tidak akan berakhir di situ. Kalangan pemimpin patriotik KLA pasti tidak sanggup menerima status autonomi dan ia sudah tentu menamatkan kepemimpinan Rugova.

Sementara itu, sengketa di Kosovo terus berlarutan manakala etnik Albania di Macedonia pasti menjadi lebih radikal, terutama dengan adanya pertalian darah serta hubungan erat antara kedua-dua sempadan negara terbabit.

Oleh itu, dasar yang diamalkan Barat ketika ini sebenarnya akan hanya menghasilkan apa yang cuba dielakkannya sendiri iaitu kekecohan di Macedonia.

Oleh kerana konflik di Macedonia bukan kerana pencerobohan Serbia seperti di Kosovo, maka apakah gunanya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghantar pasukan pengamannya supaya mengawal sempadan negara itu.

Dr Mahathir sebenarnya mungkin sudah tahu kesilapan utama Barat dalam menangani konflik seumpama ialah mereka langsung tidak membuka ruang untuk rundingan kemerdekaan Kosovo.

Di sini, mereka mengulangi kesilapan di Bosnia. Apabila pada 1991, Slovenia berkempen secara aman untuk menuntut kemerdekaan, ia ditolak mentah-mentah.

Tetapi malangnya, selepas persengketaan singkat di Slovenia dan pertumpahan darah berpanjangan di Croatia, ia diterima pula.

Barat sebenarnya terlalu takut jika tindakan mereka dilihat sebagai merestui perjuangan puak pemisah etnik.

Mereka takut jika Kosovo diberi kemerdekaan, etnik Albania di Kosovo akan meminta yang sama. Kesilapan itulah juga sebenarnya yang memporak-perandakan Bosnia sebelum ini.

Selepas sekian lama, Barat masih tidak sedar bahawa tuntutan kemerdekaan Kosovo dibuat berdasarkan hakikat kes di Slovenia dan Croatia yang bukan timbul berdasarkan peta persempadanan etnik, sebaliknya hak kedaulatan yang ditentukan oleh perlembagaan persekutuan bekas Yugoslavia.

Kosovo ialah satu daripada unit berkenaan tetapi Macedonia berbeza.

Jika Barat dapat menerima hakikat perjuangan kemerdekaan Kosovo berdasarkan hujah itu, mereka sebenarnya akan hanya memperkukuhkan lagi penyatuan Macedonia sebagai sebuah negara. Ini sekali gus menamatkan sebarang risiko perpecahan atau meledaknya krisis di negara itu.

Namun, apa yang jelas ialah Barat masih terlalu benak dan bebal untuk belajar daripada kesilapan lampau mereka.

Mungkin ia berlaku kerana derita sebenar kesan kebodohan mereka itu

tidak dirasakan rakyatnya, tetapi oleh penduduk Bosnia dan Serbia suatu ketika dulu serta Albania ketika ini.

Mungkin selepas ini, apabila rakyat Macedonia pula menderita, Barat masih belum dapat belajar atau sengaja tidak mahu mengambil iktibar daripada kesilapan mereka.

(END)